



Buletin

Syawal 1446H/April 2025

ACIS

Syawal: Menjaga Adab, Merai Ibadah



Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Nasif Sidquee Pauzi
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Dr Mohamad Redha bin Mohamad

Sidang Pengarang:

Siti Zakiah binti Bahron
Nurul Atikah Binti Poniran &
Nurul Safwah Binti Mohd Aminuddin Zaki
Shahril Anuar Abdul Ghalim
Siti Nur Husna Abd Rahman & Khairah Bt Ismail
Nor Saadah binti Musa
Dr Rafidah binti Mohd Azli

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1 70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Keterangan:

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya
terhadap artikel yang dihantar dari segi
ketepatan fakta dan bebas daripada unsur
plagiat, terjemahan atau
penyiaran di mana-mana penerbitan.
Artikel menjadi milik ACIS UiTM Negeri
Sembilan untuk disunting, dicetak dan
diterbitkan.

Berminat untuk menerbitkan artikel
akademik atau kreatif?

Hantarkan ke
buletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca
budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS
siri ke-76** pada bulan April 2025 yang mempunyai
e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan
ini bertemakan “**Syawal: Menjaga Adab, Merai
Ibadah**”. Selain itu, bermula Jan 2025 telah
memperkenalkan satu ruangan baharu yang dinamakan
Serambi Wahyu serta terdapat banyak lagi hasil
penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini.
Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat
kepada para pembaca dan warga UiTM semua.
Selamat membaca.

Isi Kandungan

Peranan Kita dalam Meraikan Hari Raya: Mengutamakan
Silaturrahim Berbanding Penggunaan Gajet **3**

Ramadan Berakhir, Ibadah Meningkatkan:
Teruskan Amalan hingga Syawal! **5**

Kritikan Penyiaran: Manfaatkan Video Pendek
Sebagai Medium Kefahaman Islam? **7**

Perkara yang Diharamkan Semasa Haid **9**

Puisi: Nampak Ringkas, Sentuh Berkesan **10**

Syawal Bulan Pembuktian Taqwa **11**

Bengkel Bibliometrik: Kaedah Analisis
dan Penulisan Berimpak **13**

eISSN 2600-8289



HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini
diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Peranan Kita dalam Meraikan Hari Raya:

Mengutamakan Silaturrahim Berbanding Penggunaan Gajet



Oleh:

Siti Zakiah binti Bahron

Guru SMK Ghafar Baba Masjid Tanah, Melaka

Hari Raya adalah waktu istimewa yang bukan hanya sekadar perayaan, tetapi juga peluang untuk mempererat hubungan kekeluargaan dan persaudaraan. Ianya menjadi saat yang dinanti-nantikan bagi umat Islam untuk bertemu sanak saudara, bermaaf-maafan, dan merapatkan ukhuwah. Hari Raya juga adalah salah satu nikmat yang Allah SWT kurniakan kepada umat Islam sebagai tanda kemenangan. Ia bukan sekadar hari untuk bersuka ria, tetapi lebih daripada itu, ia adalah simbol kejayaan dalam melaksanakan ibadah yang penuh pengorbanan dan ketaatan kepada Allah. Namun, dalam era teknologi yang semakin canggih, penggunaan gajet secara berlebihan semasa Hari Raya telah mengurangkan nilai dan keindahan amalan menziarahi keluarga dan sahabat. Dalam kegembiraan menyambut Hari Raya, umat Islam perlu memastikan perayaan ini diraikan dalam batas-batas syariat agar ia menjadi ibadah yang diberkati, bukan sekadar hiburan duniawi yang melalaikan. Sebagai umat Islam, kita perlu memainkan peranan dalam meraikan Hari Raya dengan cara yang betul, iaitu mengutamakan interaksi fizikal dan mengelakkan keterikatan secara berlebihan dengan gajet yang boleh merosakkan nilai kekeluargaan.

Menziarahi Sanak Saudara: Tuntutan Islam dan Adab Hari Raya

Menziarahi sanak saudara adalah salah satu amalan sunnah yang sangat dianjurkan dalam Islam, terutama semasa Hari Raya. Rasulullah SAW sendiri menekankan kepentingan menjaga silaturrahim kerana ia adalah kunci keberkatan dan kesejahteraan dalam kehidupan. Sabda Rasulullah SAW: *"Barang siapa yang ingin diluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, maka hendaklah dia menyambung silaturrahim."* (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim)

Mengukuhkan Kasih Sayang dan Ukhuwah Islamiah

Hari Raya membawa makna yang lebih mendalam dalam kehidupan seorang Muslim. Salah satu aspek terpenting dalam menyambut Hari Raya ialah menziarahi keluarga dan sanak saudara dalam konteks mengukuhkan kasih sayang dan ukhuwah Islamiah. Dalam suasana penuh keberkatan ini, kita dapat mengukuhkan kasih sayang dan ukhuwah, sesuatu yang tidak dapat digantikan oleh komunikasi dalam

talian semata-mata. Rasulullah SAW bersabda: *"Tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan silaturrahim."* (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim). Hadis ini jelas menunjukkan betapa pentingnya menjaga hubungan baik dengan keluarga dan saudara-mara. Hari Raya adalah kesempatan terbaik untuk memperbaiki hubungan yang mungkin terjejas akibat kesibukan harian atau perselisihan faham yang lalu.

Menghormati Orang Tua dan Menghidupkan Tradisi Kekeluargaan

Hari Raya adalah masa terbaik untuk mengunjungi ibu bapa, datuk nenek, dan saudara yang lebih tua sebagai tanda penghormatan dan kasih sayang. Islam sangat menekankan kepentingan menghormati ibu bapa, datuk nenek, dan saudara-mara yang lebih tua. Ini bukan sekadar amalan budaya, tetapi merupakan satu tuntutan agama yang membawa keberkatan dan keredaan Allah SWT. Datuk dan nenek adalah sebahagian daripada keluarga yang sering dilupakan dalam kesibukan kehidupan moden. Pada Hari Raya, kita boleh mengeratkan hubungan dengan mereka dengan mengunjungi mereka secara fizikal dan tidak hanya mengucapkan "Selamat Hari Raya" melalui telefon. Seterusnya mendengar cerita dan nasihat mereka sebagai tanda penghormatan dan membantu mereka dalam kerja-kerja rumah atau menyediakan keperluan mereka. Rasulullah SAW bersabda: *"Bukan daripada golongan kami sesiapa yang tidak menghormati orang tua dan tidak menyayangi orang muda."* (Hadis Riwayat Ahmad). Justeru, hadis ini menegaskan bahawa menghormati orang tua adalah salah satu tanda kesempurnaan akhlak seorang Muslim.

Mengeratkan Hubungan yang Mungkin Renggang

Dalam kesibukan kehidupan seharian, hubungan kekeluargaan dan persaudaraan kadangkala terabai tanpa disedari. Kesibukan kerja, komitmen lain, atau perbezaan pendapat boleh menyebabkan hubungan menjadi renggang. Hari Raya adalah satu peluang istimewa untuk memulihkan dan mengeratkan kembali hubungan yang mungkin terputus atau longgar sebelum ini. Islam sangat menekankan nilai kemaafan dalam membina hubungan yang harmoni. Nabi Muhammad SAW bersabda: *"Tidak halal bagi seorang Muslim untuk mendiamkan saudaranya lebih dari tiga hari, dan yang terbaik di antara keduanya ialah yang terlebih dahulu memberi salam."* (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim) Maka, Hari Raya adalah waktu terbaik untuk

memohon maaf secara bersemuka dengan ahli keluarga atau sahabat yang pernah berselisih faham, memberikan kemaafan tanpa syarat, kerana memaafkan akan memberikan ketenangan kepada hati dan menghubungi mereka yang jauh, jika tidak dapat berjumpa secara fizikal.

Mengajarkan Adab dan Nilai Kekeluargaan kepada Generasi Muda

Dengan membawa anak-anak menziarahi sanak saudara, mereka dapat memahami kepentingan hubungan kekeluargaan, belajar menghormati orang yang lebih tua, dan mengamalkan adab berziarah seperti memberi salam dan bersopan santun. Menjaga hubungan kekeluargaan bukan sekadar adat, tetapi juga satu tuntutan agama yang membawa keberkatan dalam kehidupan. Nabi Muhammad SAW bersabda:

umurnya dan diluaskan rezekinya, maka hendaklah dia menyambung silaturahim." (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Dengan memahami hikmah ini, anak-anak akan lebih menghargai kepentingan berziarah dan menjaga hubungan kekeluargaan, bukan hanya ketika Hari Raya tetapi juga dalam kehidupan seharian.

Apakah cabaran Penggunaan Gajet Semasa Hari Raya?

Dalam dunia moden, penggunaan telefon pintar, tablet, dan media sosial semakin berleluasa. Meskipun teknologi memudahkan komunikasi, namun penggunaan gajet secara berlebihan semasa Hari Raya boleh merosakkan nilai-nilai tradisi kekeluargaan. Terdapat banyak kesan negatif jika terlalu bergantung kepada gajet semasa Hari Raya.

Kurang Interaksi Fizikal dengan Ahli Keluarga

Ketika berkumpul pada Hari Raya, sepatutnya kita meluangkan masa untuk berinteraksi secara langsung dengan ahli keluarga, terutama yang jarang ditemui. Namun, jika masing-masing sibuk dengan telefon, kesannya bakal mengurangnya komunikasi dua hala iaitu perbualan yang sepatutnya hangat menjadi dingin kerana semua orang sibuk memeriksa mesej atau media sosial. Selain daripada itu juga, akan hilang rasa kekitaan di mana suasana mesra yang sepatutnya terjalin menjadi renggang kerana perhatian lebih tertumpu pada skrin berbanding orang di hadapan mata. Dan kesan jangka panjangnya ialah anak-anak bakal tidak belajar adab bersosial. Jika ibu bapa sendiri leka dengan telefon, anak-anak akan meniru dan menganggap bahawa lebih penting berkomunikasi dalam talian berbanding secara bersemuka.

Sebagai contoh, dalam satu perjumpaan keluarga, jika setiap individu lebih banyak melihat telefon berbanding berbual, perasaan kasih sayang sukar dipupuk. Situasi ini bukan sahaja mengurangkan kemesraan tetapi juga boleh menyebabkan ahli keluarga yang lebih tua berasa diabaikan. Jika setiap orang asyik dengan telefon mereka, suasana Hari Raya menjadi hambar kerana tiada perbualan dan interaksi yang bermakna.

Mengabaikan Tanggungjawab Sosial

Tidak dapat dinafikan, media sosial menjadi platform untuk berkongsi detik-detik istimewa, termasuk sambutan Hari Raya. Namun, jika keterujaan untuk mengambil gambar dan memuat naik ke media sosial mengatasi tujuan asal

perayaan, beberapa perkara negatif boleh berlaku dan akan mengakibatkan beberapa pengaibakan sosial antaranya;

1. Mengabaikan tetamu dan ahli keluarga Sibuk mengambil gambar dan menyunting imej boleh menyebabkan seseorang kurang berinteraksi dengan orang sekeliling.

Lebih mementingkan penampilan berbanding hubungan – Ada yang terlalu fokus untuk mendapatkan 'gambar terbaik' sehingga lupa untuk menikmati suasana Hari Raya secara semula jadi.

Menjadikan perayaan sekadar bahan tontonan orang lain – Jika terlalu sibuk dengan media sosial, kita akan kehilangan pengalaman sebenar dalam merasai kemeriahan Hari Raya.

Peranan Kita dalam Mengutamakan Ziarah Berbanding Gajet Semasa Hari Raya

Sebagai umat Islam yang ingin memanfaatkan keberkatan Hari Raya, kita harus memainkan peranan dalam mengimbangi penggunaan teknologi dan mengutamakan hubungan kekeluargaan. Justeru, terdapat beberapa saranan yang boleh diikuti dalam memastikan adab komunikasi tanpa gajet semasa berhari raya.

Mengurangkan Penggunaan Telefon Semasa Berziarah

Merakam momen indah merupakan memori yang bakal dikenang. Namun, mengehadkan penggunaan semasa menziarahi menjadi satu indikasi adab dan akhlak mulia seseorang muslim. Tidak salah jika ibu bapa memainkan peranan dalam menetapkan peraturan dalam keluarga supaya telefon diletakkan di tepi semasa berbual dengan saudara-mara.

Didik Anak-anak tentang Kepentingan Silaturahim

Ajar anak-anak untuk memberi salam, bersalaman dengan orang yang lebih tua, dan beramah mesra dengan saudara-mara tanpa bergantung kepada gajet. Bertegur sapa, kenal mengenal menjadi satu identiti unik cerminan didikan ibubapa.

Secara keseluruhannya, Hari Raya adalah masa yang sangat berharga untuk menjalin silaturahim dan memperkukuhkan hubungan kekeluargaan. Peranan kita adalah untuk memastikan bahawa perayaan ini diraikan dengan mengutamakan hubungan manusia berbanding keterikatan kepada teknologi. Penggunaan gajet bukanlah sesuatu yang salah, tetapi ia harus digunakan secara berhemah dan seimbang supaya tidak menghalang kita daripada menikmati keindahan silaturahim dan adab ziarah dalam Islam. Dengan berusaha mengutamakan pertemuan fizikal, berbual secara langsung, dan meluangkan masa berkualiti bersama keluarga, kita bukan sahaja menyemarakkan semangat Hari Raya, tetapi juga memperoleh keberkatan dalam kehidupan melalui hubungan yang baik dengan sesama manusia. **"Raya Dirai, Gajet Disisih, Ukhuwah Dipererat".**

Ramadan Berakhir, Ibadah Meningkatkan: Teruskan Amalan hingga Syawal!



Oleh:
Nurul Atikah Binti Poniran
Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah



Nurul Safwah Binti Mohd Aminuddin Zaki
Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Ramadan adalah bulan yang penuh dengan keberkatan, rahmat, dan keampunan dari Allah SWT. Setiap umat Islam yang menjalankan ibadah puasa pada bulan ini bukan sahaja berusaha menahan diri daripada lapar dan dahaga, tetapi juga berusaha memperbaiki amal ibadah mereka, mendekatkan diri kepada Allah, serta memperbanyakkan ibadah seperti solat, sedekah, dan tilawah Al-Quran. Namun, pengakhiran bulan Ramadan bukanlah penamat bagi segala amalan yang dilakukan sepanjang bulan ini. Sebaliknya, ia adalah peluang untuk meneruskan dan memperkukuhkan amalan yang telah dimulakan, supaya kita terus berada di dalam kebaikan dan keberkatan sepanjang tahun.

Bulan Ramadan berakhir dengan ketibaan Syawal, hari yang disambut oleh umat Islam dengan penuh kegembiraan melalui perayaan Aidilfitri. Hari raya ini adalah hari kemenangan setelah sebulan berusaha menahan nafsu dan memperbanyakkan ibadah. Namun, pengakhiran Ramadan tidak bermakna berakhirnya amalan-amalan baik yang telah dimulakan. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 183 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang sebelum kamu agar kamu bertakwa."

Matlamat utama puasa adalah untuk mencapai takwa. Maka, walaupun Ramadan berakhir, takwa yang telah dicapai harus dijaga dan diteruskan dalam kehidupan seharian. Aidilfitri bukan hanya merupakan sambutan kebahagiaan kerana kemenangan dalam menahan diri, tetapi juga sebagai tanda bersyukur kepada Allah kerana memberi peluang untuk meningkatkan amal ibadah.

Salah satu amalan yang harus diteruskan selepas bulan Ramadan adalah solat sunat, terutamanya solat sunat tahajjud. Pada bulan Ramadan, banyak umat Islam yang

memperbanyakkan solat tarawih dan tahajjud, tetapi setelah bulan tersebut berakhir, tidak seharusnya kita meninggalkan solat malam tersebut. Daripada Aisyah R.Anha dia berkata, Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud:

"Amalan yang paling dicintai oleh Allah Ta'ala adalah amalan yang berterusan walaupun jumlahnya sedikit."
(Riwayat Al-Bukhari, 6465)

Dengan melaksanakan solat tahajjud secara berterusan, kita tidak hanya memperoleh ganjaran yang besar dari Allah, tetapi juga meraih ketenangan jiwa dan meningkatkan hubungan kita dengan Allah. Solat tahajjud adalah waktu terbaik untuk memohon ampun, memohon keberkatan dalam hidup, dan memperbaharui tekad untuk hidup dalam ketaatan.

Selain solat, bersedekah juga merupakan amalan yang sangat dianjurkan dalam Islam. Bulan Ramadan adalah bulan yang paling utama untuk memperbanyakkan sedekah. Namun, sedekah tidak seharusnya terhad hanya pada bulan Ramadan sahaja. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 yang bermaksud:

"Perumpamaan orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai terdapat seratus biji."

Sedekah bukan hanya memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan, tetapi ia juga membersihkan harta dan mendekatkan diri kepada Allah. Oleh itu, walaupun Ramadan telah berakhir, kita seharusnya terus memperbanyakkan amalan sedekah, baik dalam bentuk wang, tenaga, atau bantuan lain, kerana setiap amalan yang dilakukan dengan niat yang ikhlas akan diberkati oleh Allah.

Bulan Ramadan adalah bulan yang penuh dengan Al-Quran. Umat Islam disarankan untuk memperbanyakkan membaca, memahami, dan menghayati ayat-ayat Al-Quran. Bagi yang telah menghabiskan khatam Al-Quran sepanjang Ramadan, ia adalah suatu pencapaian yang amat besar. Namun, selepas Ramadan, kita tidak seharusnya berhenti membaca dan berinteraksi dengan kitab Allah ini. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Isra, ayat 9 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk kepada jalan yang lebih lurus."

Membaca Al-Quran setiap hari walaupun sedikit akan membantu kita untuk terus berada di dalam petunjuk Allah. Selain itu, kita juga perlu memahami dan mengamalkan isi kandungannya dalam kehidupan sehari-hari. Dengan ini, kita akan dapat memperoleh ketenangan jiwa dan petunjuk dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup.

Salah satu aspek penting dalam bulan Ramadan adalah meningkatkan hubungan silaturahim, baik dengan keluarga, jiran, mahupun masyarakat. Ramadan mengajar kita untuk lebih peka terhadap keperluan orang lain, memberi perhatian kepada mereka yang kurang bernasib baik, serta menjalin hubungan yang lebih erat dengan orang yang kita sayangi. Namun, hubungan ini seharusnya diteruskan setelah bulan Ramadan berakhir. Nabi Muhammad SAW bersabda:

"Tidak akan masuk syurga bagi orang yang memutuskan silaturahim." (Riwayat Muslim 2556)

Setelah Ramadan, kita harus terus berusaha mempererat silaturahim dengan orang sekeliling, menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan, serta mengekalkan hubungan yang harmoni dan penuh kasih sayang dalam keluarga. Hal ini bukan hanya memberikan manfaat kepada masyarakat, tetapi juga menambah keberkatan dalam hidup kita.

Walaupun puasa Ramadan telah berakhir, amalan berpuasa tidak harus dihentikan. Salah satu amalan yang sangat dianjurkan selepas Ramadan adalah berpuasa sunat, terutamanya puasa enam hari pada bulan Syawal. Puasa enam hari ini memiliki ganjaran yang sangat besar. Nabi Muhammad SAW bersabda:

"Barangsiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dan diikuti dengan berpuasa enam hari pada bulan Syawal, maka dia seolah-olah telah berpuasa sepanjang tahun."
(Riwayat Muslim 1164)

Selain itu, berpuasa pada hari Isnin dan Khamis juga merupakan amalan sunnah yang sangat dianjurkan. Puasa sunat ini adalah cara yang baik untuk terus memperbaharui niat dan menjaga amalan puasa kita sepanjang tahun.

Setelah bulan Ramadan berakhir, penting bagi kita untuk terus memperbaiki diri dan meningkatkan iman. Ramadan adalah bulan yang penuh dengan latihan rohani dan fizikal, dan ia memberikan kita peluang untuk menilai diri kita serta memperbaiki kelemahan yang ada. Oleh itu, kita seharusnya tidak hanya berpuasa dan beribadah pada bulan Ramadan sahaja, tetapi terus berusaha untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah SWT.

Penting untuk kita sentiasa berdoa, memohon petunjuk dan kekuatan daripada Allah agar kita terus istiqamah dalam beribadah. Dengan memperbaiki diri secara berterusan, kita akan semakin mendekatkan diri kepada Allah dan memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Pengakhiran Ramadan bukanlah satu penamat bagi segala amalan yang telah kita lakukan sepanjang bulan ini. Sebaliknya, ia adalah peluang untuk kita meneruskan dan memperkukuhkan amalan-amalan yang telah dimulakan. Dengan menjaga takwa, terus beribadah, memperbanyakkan sedekah, membaca Al-Quran, menjaga silaturahim, serta berpuasa sunat, kita dapat memastikan bahawa keberkatan Ramadan terus mengalir dalam hidup kita sepanjang tahun. Semoga kita semua dapat memanfaatkan peluang ini untuk terus berada dalam kebaikan dan keberkatan Allah SWT.

Kritikan Penyiaran: Manfaatkan Video Pendek Sebagai Medium Kefahaman Islam?



Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media (FKPM),
UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Umum mengetahui bahawa masyarakat kini terdedah dengan pelbagai versi video pendek yang semakin popular dan mudah diterima umum terutamanya di media sosial. Keistimewaan yang unik menjadikan pembikinannya sebagai medan untuk percambahan idea dan garapan pelbagai mesej mengikut keadaan semasa. Jangka masa terbitan yang pendek dalam lingkungan sepuluh ke 30 minit menjadikannya sandaran galakan pembikinan. Kewujudannya dilihat seringkali membangkitkan pandangan masyarakat tak kira dari sudut positif mahupun negatif ekoran banjir pembikinannya. Tambahan pula, video pendek dilihat bersesuaian dengan pelbagai platform media terutamanya you tube, Instagram, tik tok dan lain-lain yang semakin mendapat tempat dihati khalayak.

Antara keistimewaan video pendek ialah kandungannya yang ringkas dan padat serta menarik memandangkan durasi penerbitan yang pendek. Idea yang digarap juga agak mudah dan lebih fokus kepada sesuatu isu atau topik yang hendak disampaikan. Begitu juga dengan penggunaan dialog yang tidak terlalu berat dan sukar difahami oleh khalayak. Penggunaan dialog juga tidak begitu banyak memenuhi video pendek kerana faktor medium penyampaian, kekuatan visual dan tumpuan khalayak menjadi sandaran keberkesanannya. Tambahan pula kebanyakan penghasilan video pendek kini menjadikan hiburan sebagai nadi persembahan dengan penggunaan unsur jenaka, musik latar yang berkesan, lakonan bersahaja, kupasan isu tertentu secara sindiran dan perkara-perkara yang menjadi perdebatan umum ataupun topik yang menarik perhatian berdasarkan tumpuan semasa. Dengan ertikata lain, video pendek ini mudah untuk diterbitkan dengan kos yang paling efektif tanpa menjejaskan kualiti dan mesej yang cuba disampaikan. Kesemua keistimewaan ini jika diadun dengan baik akan menghasilkan sebuah video pendek yang berkesan dan menarik. Samada ia berfungsi sebagai medium pendidikan, pemberitahuan, pembujukan mahupun hiburan, terpulang kepada tujuan asal pembikinannya.

Dalam membicarakan video pendek sebagai asas, maka tidak salah dan keterlaluan seandainya kita turut

membincangkan tentang penggunaan dan peranan yang boleh diterapkan dalam konteks kefahaman Islam. Video pendek ini boleh dijadikan sebagai medium atau saluran pendidikan yang berkesan dalam memberikan contoh dan tauladan.

Video pendek boleh dimanfaatkan dan sesuai memainkan peranan dalam memberikan ilmu pengetahuan berteraskan kefahaman Islam kepada masyarakat umum kerana keistimewaan pendekatan yang dibawa.

Untuk membincangkan hal ini, bolehlah kita bahagikan fungsi yang boleh dimainkan oleh video pendek ini kepada beberapa tahap mengikut urutan keberkesanannya secara prinsip umum iaitu yang pertama ialah sebagai perantara untuk memberikan penerangan dengan lebih mudah dan jelas. Ini ekoran penghasilannya bagi menjelaskan sesuatu perkara dalam bentuk infomatif tetapi secara persembahan naratif. Bermaksud, diolah berdasarkan sesuatu isu yang kemudiannya dibina jalan cerita lalu diberikan pengakhiran yang dirasakan sesuai berdasarkan hujahan isu berkenaan. Dalam bentuk penceritaan melalui watak yang diwujudkan, ianya akan mudah diselami dan difahami oleh khalayak penonton. Penonton akan memahami asas persoalan yang cuba dilontarkan melalui watak dan penceritaan.

Kemudian berdasarkan kefahaman tersebut akan menggalakkan penonton untuk menganalisis permasalahan berdasarkan isu yang dipersembahkan. Rata-rata persoalan berkenaan kefahaman Islam banyak tertumpu kepada apa yang berlaku dalam realiti kehidupan masyarakat maka ianya adalah dekat dengan pemikiran penonton. Justeru ia mewajarkan penonton membuat analisa berdasarkan pengalaman mereka sendiri dan disesuaikan dengan konteks atau isu yang dipaparkan. Penonton akan mula berfikir mengenai kawajaran sesuatu tindakan atau sebaliknya berdasarkan pengetahuan mereka yang disesuaikan dengan penceritaan tersebut.

Apabila penonton mula berfikir berkenaan kewajaran maka ia secara langsung telah membina keupayaan penonton untuk mengkritik secara kritis dan membuat kesimpulan pandangan yang membina dalam diri mereka. Mereka mungkin bersetuju atau sebaliknya tetapi melalui pendekatan penceritaan video pendek ini akan mengukuhkan pendirian dan menanamkan kepercayaan serta keyakinan yang tinggi berdasarkan adunan pengalaman melalui tontonan dan pendapat peribadi. Ini akan menimbulkan kesan yang mendalam pada diri penonton ekoran pertembungan apa yang dilihat dan apa yang dilalui secara individu.

Pengakhirannya, akan memungkinkan timbulnya kesedaran dan pemangkin kepada perubahan dalam kehidupan mereka. Penonton dengan jelas lebih memahami melalui penghayatan tontonan dan pengamatan peribadi mereka terhadap sesuatu isu yang dikupas melalui video pendek. Penonton akan menyesuaikan diri dengan perubahan ekoran keberkesanan penyampaian mesej dan impak yang wujud dalam memahami sesuatu isu. Peleraian permasalahan dalam masyarakat akan dapat dirungkai dalam bentuk persembahan video pendek kerana keberkesanan penceritaan, tempoh jangka masa dipersembahkan, kesan kreativiti dan nilai estetika, pengalaman peribadi berdasarkan situasi kupasan dan lain-lain keunikan yang wujud memudahkan pemahaman.

Kesimpulannya, jika persembahan video pendek ini diperkasakan dalam konteks menyampaikan kefahaman Islam dengan cara terancang dan sistematik maka ianya tidak mustahil untuk dihasilkan. Medium perantara atau saluran penyampaian merupakan aset penting dalam konteks pemindahan ilmu pengetahuan. Sekiranya diatur dan disesuaikan tidak mustahil ia akan menjadi pemangkin dalam memberi kefahaman yang mapan kepada khalayak tontonan.

SERAMBI WAHYU

Al-Quran Sebagai Syafaat

اقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي
يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Maksudnya: “Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya.” [HR Muslim]

-Dr. Redha-

Perkara yang Diharamkan Semasa Haid



Oleh:
Siti Nur Husna Abd Rahman
Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri
Sembilan, Kampus Rembau.



Oleh:
Khairah Bt Ismail
Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam
Kontemporari, UiTM Cawangan Selangor,
Kampus Dengkil

Dalam Islam, haid adalah tempoh di mana wanita mengalami perubahan fisiologi yang signifikan dan diatur dengan ketat oleh hukum syariah. Selama tempoh haid, terdapat beberapa perkara yang diharamkan atau dibatasi untuk menjaga kesucian dan memenuhi tuntutan agama.

Larangan Solat dan Puasa: Salah satu larangan utama semasa haid adalah tidak dibenarkan untuk melaksanakan solat dan puasa. Al-Qur'an menyebut bahawa wanita yang sedang haid dianggap dalam keadaan kotor dari sudut ibadah, dan oleh itu, mereka dikecualikan dari kewajipan solat dan puasa (Al-Qur'an, 2:222). Larangan ini bukan sahaja menjaga kesucian ibadah tetapi juga bertujuan untuk memberikan rehat kepada wanita semasa tempoh ini. Walau bagaimanapun, wanita yang tidak berpuasa semasa haid perlu menggantikannya dengan puasa qadha pada hari-hari lain selepas haid (Nawawi, 1996).

Larangan Hubungan Seksual: Hubungan seksual antara suami dan isteri adalah diharamkan semasa haid. Al-Qur'an secara jelas melarang perisetubuhan semasa haid dan mengarahkan pasangan untuk menjauhinya sehingga wanita suci (Al-Qur'an, 2:187). Larangan ini melindungi kesihatan fizikal wanita dan juga memastikan kesucian dalam hubungan seksual. Selain itu, ajaran Islam menekankan perlunya menjaga etika dalam hubungan seksual dan mematuhi peraturan syariah yang ditetapkan.

Larangan Memasuki Masjid: Dalam tradisi Islam, terdapat pandangan bahawa wanita yang sedang haid tidak dibenarkan memasuki kawasan masjid. Walaupun terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama mengenai hal ini, banyak pandangan tradisional menganggap bahawa wanita yang sedang haid harus menghindari memasuki masjid untuk menjaga kesucian tempat ibadah (Abu Dawood, 1990). Ini adalah untuk memastikan bahawa kawasan masjid kekal dalam keadaan bersih dan suci.

Larangan Membaca Al-Qur'an Secara Langsung: Terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama mengenai sama ada wanita yang haid boleh membaca Al-Qur'an secara langsung. Sebagian besar pandangan tradisional melarang wanita yang sedang haid daripada menyentuh atau membaca Al-Qur'an secara langsung, walaupun mereka boleh membaca Al-Qur'an melalui perantaraan atau dengan menggunakan media lain seperti buku elektronik (Nawawi, 1996). Larangan ini bertujuan untuk memelihara kesucian teks suci dan memastikan wanita berada dalam keadaan bersih ketika melibatkan diri dengan Al-Qur'an.

Amalan Pembersihan dan Mandi Wajib (Ghusl): Selepas tempoh haid berakhir, wanita diwajibkan untuk melakukan mandi wajib (ghusl) untuk membersihkan diri secara menyeluruh sebelum kembali melaksanakan ibadah seperti solat dan puasa. Mandi wajib melibatkan niat yang ikhlas, dan memastikan air membasahi seluruh tubuh termasuk rambut dan kulit kepala (Abu Dawood, 1990). Amalan ini penting untuk membersihkan diri dari kekotoran dan memenuhi syarat-syarat kesucian yang ditetapkan dalam agama.

Pengurusan Kesihatan dan Kebersihan: Selain daripada larangan-larangan ibadah, tempoh haid juga memerlukan pengurusan kesihatan dan kebersihan yang baik. Wanita disarankan untuk menjaga kebersihan diri dengan menggunakan produk kebersihan yang sesuai dan memastikan bahawa mereka tidak terdedah kepada jangkitan atau masalah kesihatan lain (Haines & D'Angelo, 2019). Pengetahuan mengenai perubahan fisiologi semasa haid juga penting untuk pengurusan kesihatan yang efektif.

Secara keseluruhan, panduan dan larangan semasa haid dalam Islam bertujuan untuk menjaga kesucian ibadah, memelihara etika agama, dan memastikan kesejahteraan fizikal serta kesihatan wanita. Pengetahuan dan pemahaman tentang peraturan ini adalah penting untuk menjalankan amalan agama dengan cara yang betul dan menjaga kesihatan diri sepanjang tempoh haid.

Puisi: Nampak Ringkas, Sentuh Berkesan



Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media (FKPM),

UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Mudah dan ringkas antara diuji
Audio visual kesesuaian fungsi
Impak dan kesan harap dikaji
Agar diguna meleraikan situasi

Ringkas dan padat antara pilihan
Unjuran kreativiti nada sindiran
Kefahaman Islam suatu sentuhan
Video pendek dijadikan sandaran

Mendukung isu diberi jawapan
Olahan penceritaan dialog bualan
Selisih pendapat dirungkai sopan
Mentafsir berfikir merungkai persoalan

Hujah diaju mematang ilmu
Konteks disahut pandangan dipandu
Dilihat dilalui bertembung bertemu
Mencorak pendapat kumpulan individu

Tatususila agama menimbulkan kesedaran
Konstruktif seni akhlak dan rohani
Seni lakonan medium saluran
Memanfaat ummah kehidupan harmoni

Walau pun berguna perlu dipesan
Melekakan penonton hinalah pendekatan
Perspektif Islam, iman dan ihsan
Al Quran dan Hadith kekuatan penerbitan

Syawal Bulan Pembuktian Taqwa



Oleh:

Nor Saadah binti Musa

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Seremban.

Syawal sering diraikan sebagai bulan kegembiraan dan kemenangan setelah sebulan berpuasa di bulan Ramadan. Hakikatnya, Syawal bukan sekadar simbol kemenangan, tetapi lebih penting sebagai medan pembuktian terhadap tahap taqwa yang dibina melalui latihan intensif dalam madrasah Ramadan. Bulan Syawal berperanan sebagai ujian awal bagi menilai sejauh mana kesan tarbiah Ramadan diterjemahkan dalam kehidupan pasca-Ramadan. Melalui pendekatan al-Quran, hadith, serta refleksi sosial dan spiritual, artikel ini menekankan keperluan meneruskan kesinambungan amal serta memperkukuh ketakwaan sebagai matlamat tertinggi ibadah puasa.

Pengenalan: Ramadan sebagai Madrasah Taqwa

Ramadan adalah suatu institusi pendidikan rohani yang istimewa. Allah SWT menyatakan dengan jelas tujuan diwajibkan puasa di dalam al-Quran yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu, agar kamu bertakwa." (Surah al-Baqarah: 183)

Taqwa merupakan matlamat utama yang diharapkan daripada puasa iaitu perasaan takut dan pergantungan yang tinggi kepada Allah, komitmen terhadap kebenaran, serta keikhlasan dalam amal. Justeru, selepas 30 hari menjalani latihan spiritual yang mendalam, Syawal berperanan sebagai titik permulaan bagi menguji sejauh mana penghayatan taqwa itu direalisasikan dalam kehidupan seharian.

Imam al-Ghazali dalam *Ihya' Ulum al-Din* menyatakan:

"Puasa bukanlah sekadar menahan diri daripada makan dan minum, tetapi menahan anggota daripada maksiat, dan jiwa daripada kehendak yang hina."

Syawal: Dari Simbol Kemenangan ke Realiti Taqwa

Secara sunnahnya, kita dituntut meraikan bulan Syawal dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan sebagai tanda kemenangan. Namun, kemenangan yang dimaksudkan bukan bersifat fizikal atau material semata, sebaliknya bersifat batiniah dan spiritual. Ia adalah kemenangan menundukkan nafsu, meningkatkan disiplin diri, serta mendidik jiwa untuk taat kepada perintah Allah. Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan dosa-dosanya yang terdahulu." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menggambarkan bagaimana Ramadan menyediakan peluang penyucian jiwa, manakala Syawal

menjadi penanda aras untuk menilai keberkesanan penyucian tersebut. Maka, individu yang benar-benar mendapat pengampunan Allah SWT akan meneruskan kehidupannya dalam keadaan lebih taat, lebih sedar, lebih peka dan lebih bertanggungjawab terhadap Allah SWT.

Ibn Rajab al-Hanbali dalam kitab *Lata'if al-Ma'arif* menyebut:

"Bukanlah ganjaran bagi orang yang beramal di bulan Ramadan itu berakhir dengan Ramadan, tetapi ganjaran itu ialah terus kekal di jalan ketaatan selepas Ramadan."

Kata-kata hikmah tersebut menekankan bahawa amalan selepas Ramadan mencerminkan kualiti sebenar taqwa yang telah dibentuk. Jika seseorang kembali kepada kelalaian, maka latihannya di bulan Ramadan belum membuahkan hasil sebenar. Berapa ramai manusia yang memasuki bulan Ramadan dan berpuasa tetapi hanya mendapat lapar dan dahaga sedangkan dosa-dosanya tidak diampuni, nauzubillah. Hal demikian bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW bermaksud;

"Berapa ramai orang yang berpuasa dengan hasil daripada puasanya (hanya) lapar dan dahaga." (Hadis riwayat Ahmad)

Taqwa dalam Konteks Pasca-Ramadan

Taqwa bukan semata-mata perasaan atau niat di dalam hati. Ia menuntut tindakan berterusan dan pembuktian melalui amalan selepas Ramadan. Syawal menjadi waktu penting penanda aras beberapa perkara:-

1. Konsistensi amal ibadah: Adakah solat berjemaah, tilawah al-Quran, qiyamullail dan sedekah diteruskan selepas Ramadan?
2. Kemurnian akhlak: Adakah sikap sabar, rendah hati, dan menjaga lidah masih dikekalkan?
3. Hubungan silaturrahim: Adakah budaya saling memaafkan dan ukhwah sesama insan diteruskan atau sekadar ritual Aidilfitri?

Semua persoalan tersebut merupakan 'check list' muhasabah yang wajar ditanya kepada diri setiap individu muslim, supaya tujuan Allah SWT menganugerahkan Ramadan tercapai dan disempurnakan dengan tepat seperti yang Allah SWT kehendaki. Tanpa kesinambungan ini, maka tarbiah Ramadan akan menjadi sia-sia. Seorang *salafus soleh* pernah berkata:

"Sesungguhnya tanda amal itu diterima ialah apabila ia diikuti dengan amal soleh yang lain."

Ini menunjukkan bahawa taqwa yang tulen akan melahirkan amal yang berterusan bukannya bermusim.

Puasa Sunat Syawal: Simbol Komitmen Terhadap Taqwa

Salah satu bentuk pembuktian taqwa dalam bulan Syawal adalah dengan melaksanakan puasa sunat enam hari. Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang berpuasa Ramadan, kemudian diikuti dengan enam hari dari bulan Syawal, maka dia seolah-olah berpuasa sepanjang tahun." (Riwayat Muslim)

Puasa sunat ini bukan hanya bernilai dari segi pahala, tetapi juga sebagai manifestasi kesungguhan meneruskan disiplin Ramadan. Ia membuktikan bahawa seseorang itu tidak hanya beribadah kerana kewajipan, tetapi kerana kesedaran dan kerinduan terhadap nilai spiritual puasa.

Palestin-Manifestasi taqwa dan ujian buat ummah

Antara tanda seseorang itu beriman adalah apabila ia prihatin dan mengambil berat terhadap nasib saudara seagamanya. Ibarat pepatah Melayu, cubit peha kanan, peha kiri terasa sakitnya juga. Bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW bermaksud;

"Mukmin dengan mukmin yang lain umpama sebuah bangunan, sebahagian mengukuhkan sebahagian lain." (Riwayat Muslim)

Hal demikian merupakan tuntutan agama dan syiar persaudaraan sesama Muslim. Para salafussoleh telah menunjukkan teladan terbaik bagaimana menjadi pelindung kepada saudara seagama yang lain, hinggakan mengisytiharkan perang terhadap musuh-musuh Islam yang sengaja mengganggu umat Islam yang lain. Apa yang berlaku ketika ini terhadap saudara seaqidah kita di seluruh dunia khususnya di Gaza dan Palestin adalah manifestasi terhadap sejauh mana kesempurnaan iman kita. Adakah kita

ambil tahu mengenai penderitaan mereka? Penganiayaan dan kezaliman yang sangat dahsyat dilakukan puak zionis dan sekutunya terhadap mereka? Adakah kita menghayati penderitaan saudara kita di sana dan setakat mana sumbangan yang telah kita usahakan? Persoalan-persoalan ini perlu dijawab sebelum kita dipanggil menghadap Allah yang maha teliti hisab-Nya dan dipertanggungjawabkan atas segala kecuaiian dan pengabaian kita terhadap nasib saudara seagama kita.

Kesimpulannya, Syawal adalah medan penilaian diri. Syawal bukan titik penamat ibadah, tetapi titik permulaan untuk menyemak dan menilai tahap ketakwaan. Ia adalah fasa pembuktian, di mana seseorang Muslim menunjukkan sama ada dia sekadar berpuasa secara fizikal, atau benar-benar berubah menjadi insan yang lebih bertakwa. Dr. Yusuf al-Qaradawi menyatakan:

"Tujuan ibadah adalah untuk mengubah manusia menjadi hamba Allah yang sebenar. Maka jika Ramadan tidak merubah perangai seseorang, maka itu bukan kemenangan, tetapi kegagalan."

Umat Islam sewajarnya menjadikan Syawal bukan hanya sebagai pesta perayaan, tetapi sebagai platform untuk memperkukuhkan hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Dalam suasana gembira Aidilfitri, harus diingat bahawa kemenangan sebenar ialah apabila seseorang berjaya mengekalkan nilai Ramadan sepanjang hayatnya. Sepertimana yang pernah dinukilkan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah;

"Puasa sejati adalah puasa yang menjadikan kamu lebih taat selepasnya."

Justeru, marilah kita jadikan Syawal sebagai fasa muhasabah diri dan pembuktian istiqamahnya kita mencari keredhaan Allah SWT. Bukan hanya gembira dengan pakaian baru, tetapi lebih penting, dengan jiwa baru yang lebih taat, lebih bersih, dan lebih bertaqwa...**inshaAllah.**

Bengkel Bibliometrik: Kaedah Analisis dan Penulisan Berimpak



Oleh:

Dr Rafidah Mohd Azli

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah.

Pada **7 Mac 2025**, Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Negeri Sembilan telah berjaya melaksanakan satu bengkel analisis artikel jurnal iaitu Bengkel Bibliometrik: Kaedah Analisis dan Penulisan Berimpak. Bengkel yang dirancang oleh Unit Penerbitan dan Penyelidikan ACIS ini dilaksanakan di PTAR UiTM Kampus Seremban dari jam 8.30 pagi hingga 1.15 petang. Program ini dihadiri oleh seramai 17 orang peserta, termasuk pensyarah dan penyelidik dari pelbagai latar belakang akademik.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan melatih para peserta dalam kaedah analisis bibliometrik, serta strategi penulisan berimpak tinggi bagi meningkatkan prestasi penerbitan akademik. Para peserta diberikan peluang untuk mempelajari cara menggunakan perisian seperti VOSviewer, Biblioshiny untuk menganalisis trend penyelidikan dan memperbaiki impak penerbitan mereka.

Acara ini telah dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Dr. Mohd Kamel bin Mat Saleh, diikuti dengan ucapan pembukaan oleh Ustaz Nasif Sidque bin Fauzi, Ketua Pusat Pengajian di ACIS UiTM. Setiap peserta kemudiannya mengikuti sesi bengkel yang dikendalikan oleh Encik Syaiful Hisham bin Saleh, yang mengupas teknik analisis data bibliometrik secara mendalam.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua peserta yang hadir dan memberikan komitmen penuh sepanjang program. Semoga ilmu yang diperoleh dapat digunakan dalam meningkatkan penerbitan akademik dan memberi impak positif dalam dunia penyelidikan.

Terima kasih juga kepada semua pihak yang telah membantu menjayakan program ini!



